

Abd al-Rahman al-Kawākibī dan Visi Politik Islam

Ahmad Nabil Amir

Former Associate Research Fellow

International Institute of Islamic Thought and Civilization, Kuala Lumpur
nabiller2002@gmail.com

Tasnim Abdul Rahman

Universiti Sultan Zainal Abidin (UNiSZA)

Kampus Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu

E-mel: tasnimrahman@unisza.edu.my

Abstract

The paper address the political view of ‘Abd al-Rahmān b. Ahmad al-Kawākibī (1855-1902) in the context of historical tradition and political structure of the Ottoman caliphate in the late 19th century. It looks into his critics of dictatorial rule and oppressive system of the caliphate and its call for the dismantling of the unjust and tyrannical framework. The study is based on qualitative method and documentary approach. The data obtained from reliable library material and source in the form of manuscript, dissertation, book, newspaper and magazine. The information derived is analysed using descriptive, analytical, comparative, and historical method. The finding shows that al-Kawakibi’s underlying philosophy and movement has largely influenced the Arab consciousness of the Middle East in the late 19th century, inspiring revolutionary ideas and movement in the East Mediterranean toward meaningful political liberation and the formation of nation state, bringing the spirit of nationalism and enlightenment throughout the Arab world.

Keywords: *al-Kawakibi, Turki Usmani, Diktator, Nasionalism Arab*

Introduction

‘Abd al-Rahmān ibn Ahmad Bahā’i ibn Mas‘ūd al-Kawākibī (1855-1902) merupakan seorang pejuang pembebasan yang penting dalam riwayat perjuangan dan pergerakan nahdah pada akhir kurun ke 19, dan merupakan salah seorang pemikir reformis Islam yang paling berpengaruh di timur Mediteranean. Riwayat perjuangannya dalam perkembangan ideologi dan pemikiran nasionalisme Pan

Arab diakui dengan meluas, sebagai teori Syilvia G. Haim yang berpendapat, “al-Kawakibi bisa dianggap sebagai intelektual pertama sejati yang meletakkan dasar pemikiran Pan-Arabisme modern.” (Azyumardi Azra, 2016)

Ia merupakan seorang pengarang Syria dan pendukung gerakan Pan-Arab, dan termasuk salah seorang intelektual yang termasyhur di zamannya; dimana pemikiran serta tulisannya yang terpenting kekal mempunyai hubungan yang relevan dengan isu-isu seputar identiti Islam dan Pan-Arabisme. Kritiknya terhadap empayar Uthmaniyah akhirnya mendorong masyarakat Arab menuntut kedaulatan bagi bangsa-bangsa Arab, yang melantarkan asas bagi nasionalisme Pan-Arab. Ayahnya Sayid Ahmad Bahā’i ibn Muhammad ibn Mas’ūd al-Kawākibi (1244-1299/1829-1882) merupakan seorang Mufti di Antokia. Beliau berhijrah ke Halb, kampung Parsi dan menikahi anak gadis negeri itu sehingga terhasilnya keturunan al-Kawakibi. Ibunya bernama Afifah binti Mas’ud. Salah seorang datuknya yang bernama Abu Muhammad Ibrahim juga berhijrah ke Harran dan berinduk kepada Abu ‘Ala al-Ma’ari (362-450/973-1058). Nasabnya punyai hubungan dengan Ali ibn Abi Talib. Pada usianya 6 tahun, ibunya meninggal, dan lantas diasuh dan dibidani oleh bibinya Safiyyah. Dari ibu saudaranya ini ia mempelajari bahasa Turki, dan Persia.

Ketika berusia 11 tahun, ia kembali ke Antokia, memasuki madrasah khusus, dan menjadi murid kepada paman ibunya, Said Najib al-Naquib, yang merupakan guru peribadi kepada Amir Mesir, Khedive Abbas Hilmi II. Setelah berusia 12 tahun, beliau kembali ke Halb dan menuntut di sekolah sekitarnya. Pada masa itu ayahnya merupakan guru dan pimpinan perguruan yang dimasukinya. Di sana ia mempelajari pengetahuan mantik, matematik, fisik dan siasah, termasuk ilmu asas bahasa dan syariat. Pada usia 22 tahun, ia masuk ke tengah umum, dalam ranah kehidupan yang luas, dan mengabdikan dirinya untuk kerja kemasyarakatan. Semasa di Halb, ia melibatkan diri dalam akhbar “Furat”, suratkhbar resmi berbahasa Arab dan Turki, yang membuka jalan baginya berkecimpung dalam politik. Pada tahun 1870 an, beliau mulai bergerak dalam gelanggang persuratkhbaran dengan menyunting suratkhbar rasmi di Aleppo, *al-Furat* (sungai Euphrates), dan menerbitkan dua akhbar yang bebas, yang keduanya berusia pendek (suratkhbar *al-Syahba* dan *al-I’tidal* yang dibredel oleh pemerintah). Menurut Stephen Sheehi (2017), jaringan akhbar (*alsahafa*) inilah yang telah memasyhurkan dan mengikatnya dalam jaringan aktivis dan perjuangan nahda (renaisans) dan intelek dengan Abduh: “The Press, or *alsahafa*, was al-Kawakibi’s milieu and the means by which he maintained and expanded innumerable political and professional relations including those that led him to his patron Khedive Abbas II Hilmi Bey as well as longtime advocates and friends, Muhammad ‘Abdu and Shaykh ‘Ali Yusuf.”

Meski memegang sejumlah jawatan awam dan pentadbiran di Syria Uthmani, al-Kawakibi mengalami penganiayaan yang kronik daripada penguasa, membawanya untuk akhirnya menetap di Mesir pada 1898. Di sana beliau meneruskan aktiviti kewartawanannya dan merupakan sebahagian daripada lingkaran *salafis* Muhammad Abduh dan Rashid Rida. (Ronen Raz, 1990) Dengan yang akhir, beliau mengikat persahabatan yang erat.

Kehidupannya sendiri hanya tercatat dalam nota obituari yang dicatatkan oleh editor *al-Manar*, Rashid Rida. Catatan yang tercantum dalam *al-Manar* ini digunakan oleh para penulis dan penyunting yang selanjutnya tentang biografinya. Muhammad Raghīb al-Tabbakh telah menerbitkan himpunan nota *al-Manar* itu sepenuhnya, memperbetulkan hanya beberapa tarikh, dan menambahkan potret fotografik al-Kawakibi, bersama dengan ayat-ayat dari Hafiz Ibrahim yang terpahat di makamnya dan ucapan pengebumian yang disusun oleh Muhammad Sadiq al-Rafi'i.

Tulisan-tulisan terdahulu tentang pemikiran al-Kawākibī yang serupa dengan tajuk penelitian ini, kebanyakannya dilacak dari karya-karya moden dan kontemporer yang asal-usulnya dapat dikesan dari sumber-sumber dan catatan-catatan klasik dalam sejarah moden. Antaranya ialah kompilasi yang dihimpunkan oleh Muhammad 'Imārah, bertajuk *Al-A'māl al-Kāmila li 'Abd al-Rahmān al-Kawākibī ma'a dirāsa 'an hayātihī wa-āthārihī* (1970) yang memuatkan kumpulan karya-karyanya yang autoritatif yang telah ditahkik oleh Imarah. Tulisan lain adalah buku yang disunting oleh Charles Kurzman bertajuk *Modernist Islam, 1840-1940: A Sourcebook* yang memuatkan terjemahan kitab *Umm al-qura* [The Mother of Cities [Mecca], 1902] dari karya asalnya yang berbahasa Arab. Artikel lain ialah makalah yang ditulis oleh Azyumardi Azra (2016) tentang pengaruhnya yang radikal dalam pergerakan pan-Islamisme di dunia Arab.

Buku yang dihasilkan oleh Itzhak Weismann (2015) turut dirujuk terkait pemikiran dan biografi ringkas al-Kawakibi dan impaknya terhadap gerakan pembaharuan Islam moden. Karya Hamka (1970) tentang al-Afghani turut melihat pengaruhnya terhadap al-Kawakibi dalam kareer kewartawanannya dan serangannya terhadap golongan aristokrat dan ulama yang bersekongkol dengan pemerintahan tiranikal Uthmaniyah. Tesis yang ditulis oleh Sylvia Kedourie (1953) turut meninjau kepeloporan idea-idea al-Kawakibi tentang hubungan politik Arab-Muslim dan aspirasi dan fahaman kebangsaannya yang liberal. Ringkasnya yang membezakan penulisan-penulisan tersebut daripada perspektif kajian ini adalah tumpuannya terhadap visi politik Islam al-Kawakibi dan pengaruhnya dalam memungkinkan kebangkitan semangat pan-Arab dalam konteks pemikiran Arab-Muslim dan perkembangan tren pan-Islamisme di Timur Tengah.

Justeru tujuan penelitian ini adalah untuk menyorot pandangan politik Al-Kawākibī dan kesannya yang meluas terhadap kebangkitan gerakan pan-Islamisme di dunia Arab yang pada gilirannya membentuk kekuatan dan kesedaran baru terhadap hubungan Arab-Muslim yang dinamik dalam menghadapi perluasan anasir luar dan penjajahan kuasa imperialis.

Metode Penelitian

Penelitian ini berdasarkan tinjauan kualitatif dari jenis dokumentasi kepustakaan dan studi literatur. Data kajian diperoleh dari sumber-sumber sejarah dan bahan-bahan dokumenter yang dipercayai berupa manuskrip, buku, tesis, akhbar dan majalah. Maklumat ini diteliti secara deskriptif, analitis, komparatif dan historis, bagi mendapatkan hasil penemuan yang empirik dan akurat.

Hasil dan pembahasan

Pemecahan masalah dilakukan dengan menganalisis permasalahan, selanjutnya mencari data-data dan keterangan-keterangan yang sesuai dan dapat dimanfaatkan dalam penelitian ini.

Latar Belakang

Al-Kawākibī dilahirkan pada 1854 (1271 H) atau 1855 (sebahagian mengatakan pada 1848, sebahagian menunjuk pada 1853) di Aleppo di Utara Syria. Bapanya adalah seorang ulama yang pernah menuntut di Damsyik dan menjawat Hakim Besar di Aleppo, dan merupakan seorang jaguh orator. Sebagai seorang hakim beliau cenderung memutuskan pertikaian dengan persetujuan yang dicapai antara parti yang bertelagah. Beliau lahir daripada keluarga yang berakar dari warisan keilmuan, ketaqwaan dan pengabdian selama beberapa abad. Si anak muda, Abdurrahman kehilangan ibunya ketika berusia lima tahun, dan dibidani tiga tahun sesudahnya di Antioch oleh ibu saudaranya, Safiyah, yang fasih berbahasa Turki, selain penguasaan bahasa Arab, dan telah menempuh alam persekolahan ketika majoriti masyarakat pada umumnya masih dibelenggu buta huruf. Beliau kembali ke Aleppo ketika berusia sembilan tahun, di mana beliau dimasukkan ke Madrasah Kawakibiyah, yang diusahakan oleh bapanya. Beliau mempelajari bahasa Arab, Turki dan Parsi, selain daripada pendidikan agama dengan penguasaan yang cemerlang dalam bahasa Arab.

Al-Kawakibi adalah pembaca yang tegar, melahap apa sahaja yang dapat dicapai tangannya, yang bermakna beliau menghadham pelbagai karya yang diterjemahkan daripada bahasa Eropah, dan beliau menokok dalam pengajiannya

pengetahuan matematik dan fizik. Lewat usia 20 tahun, beliau telah menzahirkan upaya yang luar biasa dengan keluasan pendidikannya.

Selain daripada semua ini, beliau memiliki personaliti yang serius dan daya akliah yang halus, di samping keghairahan melayani lingkaran ulama dan sosok pujangga. Period kedua daripada abad ke sembilan belas ketika mana Al-Kawakibi hidup adalah tempoh kejatuhan yang berterusan di seantero dunia Islam. Kebanyakan wilayah Islam berada dalam situasi yang lemah, diperintah oleh kelompok diktator yang ghairah memungga kekayaan, tanpa kepedulian terhadap rakyat. Kejahilan dan buta huruf adalah kenyataan sehari-hari. Ketidakadilan berleluasa. Pergulatan dalaman sering dinyalakan. Kalangan yang terpelajar yang segelintir hanya mengetahui sedikit daripada tabiat dan sifat sebenar Islam.

Kerananya, mereka bergantung dan menempek kepada Barat, menyeru kepada pengambilan dan penyerapan cara hidup Barat. Imej Islam terbatas, dalam fikiran kebanyakan manusia, kepada beberapa amalan ritual yang bobrok dan jahil, tahyul dan praktis yang menyeleweng.

Hanya sejumlah kecil daripada manusia yang terpelajar yang tampil mencanangkan upaya kembali kepada Islam dalam gambaran dan tasawwurnya yang suci. Yang paling menyerlah daripada kelompok ini adalah Abdurrahman Al-Kawakibi, yang lantang mengkritik ketidakadilan yang berleluasa di bawah kuasa Uthmaniyah yang makin terhakis, yang telah membawa pada situasi keterbelakangan yang total.

Pada usia 22 tahun, Al-Kawakibi dilantik sebagai penyunting tidak rasmi kepada akhbar milik kerajaan, *Furat* yang diterbitkan dalam bahasa Arab dan Turki antara tahun 1867 dan 1911. Setelah setahun, beliau dipercay sebagai penyuntingnya yang rasmi. Setahun atau lebih selepasnya; iaitu pada tahun 1878, Al-Kawakibi menerbitkan akhbar berkala dalam bahasa Arab pertama yang bebas, dinamakan *Al-Shahbaa*, yang memperlihatkan bakat kepengarangan yang besar daripada penerbit dan editornya.

Bagaimanapun, Al-Kawakibi lekas menyerang, menuntut reformasi yang menyeluruh dalam kehidupan awam dan menunjukkan berontakan ke atas undang-undang otokratik dan mengkritik polisi kerajaan secara khusus. Hanya lima belas keluaran yang sempat diterbitkan dan akhbar tersebut diarah tutup oleh kerajaan. Al-Kawakibi lalu mengeluarkan akhbar ketiga, *Al-'Itidal*, dalam dua bahasa Arab dan Turki, menggagaskan kebebasan dan keadilan, tetapi sekali lagi akhbarnya dibredel dan digam.

Al-Kawakibi telah menjawab pelbagai tugas dalam kerajaan. Pada usia 25 tahun, beliau adalah ahli kehormat dalam jawatankuasa pendidikan dan kewangan, dan kemudian dilantik sebagai ahli kehormat lembaga pemeriksaan

pengamal guaman. Kemudian beliau diangkat sebagai pengurus seksyen percetakan kerajaan di Aleppo, dan kemudiannya sebagai ahli dalam mahkamah komersial. Dalam semua kedudukannya, Al-Kawakibi menarik kekaguman dan penghormatan kerana ketelusan dan kecekapannya.

Beliau menggerakkan reformasi di manapun beliau bekerja dan cuba menyingkirkan apa jua yang merintang kelancaran kerja atau yang menghambat kepentingan awam (*masalah*). Pada waktu yang sama, beliau menulis pelbagai artikel dalam akhbar yang diedarkan di Istanbul dan **Beirut**. Pemerintah tidak senang dengan tulisan-tulisannya dan merencanakan masalah kepadanya. Hal ini membawa kepada pengundurannya daripada tugas kerajaan pada tahun 1886, di mana beliau memulakan kerjayanya sebagai peguam.

Beliau kembali berkhidmat dalam kerajaan pada usia 40 tahun, memegang beberapa portfolio. Sekali lagi beliau adalah teladan dalam kerjayanya, dicintai oleh rakan sekerja dan kelompok awam. Popularitinya sentiasa menimbulkan kejangkelan kepada pemerintah, yang cuba menekan aktivitinya. Beliau terus mengasak dan menuntut reformasi, meletakkan ketidakadilan sebagai sasaran kritikkannya. Kerana itu, kerajaan terus menghambat dan menyulitkan pergerakannya. Akhirnya, beliau memutuskan untuk menyisihkan diri, belayar ke Mesir pada tahun 1900.

Di Mesir, Al-Kawakibi diraikan oleh golongan inteligensia dan tak lama kemudian berhasil menjalin hubungan yang akrab dengan Sheikh Ali Yusuf, penyunting akhbar yang terkenal, *Al-Muayyad*. Beliau mula menerbitkan artikel tentang pemerintahan despotik, yang kemudian dikeluarkan dalam sebuah buku bertajuk *Taba'i Al-Istibdad*, atau tabiat kediktatoran. Buku lain yang ditulisnya menyusul dengan judul *Umm al-Qura*. Kedua-duanya cukup berpengaruh.

Dalam pengenalan kepada bukunya yang pertama, *Tabiat kediktatoran (The Nature of Dictatorship – Taba'i al-Istibdad wa-Masari al-Isti'bad)*, Al-Kawakibi menyebut ia tidak diarahkan langsung kepada mana-mana kerajaan atau diktator. Beliau hanya ingin menyedarkan masyarakatnya terhadap punca kelesuan mereka, dengan itu “mereka akan insaf bahawa mereka sepatutnya tidak menyalahkan selain daripada diri mereka sendiri. Mereka tidak wajar menyalahkan bangsa asing atau takdir. Saya cuma berharap mereka yang peduli akan nasib bangsanya akan bangkit melakukan sesuatu untuk merobah situasi ini sebelum benar-benar terlambat.”

Al-Kawakibi menyatakan bahawa beliau meminjam sebagian idenya daripada penulis-penulis lain. Adalah jelas Al-Kawakibi terpengaruh dengan Voltaire, Rousseau dan Montesquieu, walaupun beliau tidak dapat membaca karya kesemua penulis ini kecuali dalam terjemahan.

Dalam bukunya, Al-Kawakibi menggariskan dengan jelas bahawa pertanggungjawaban atau akauntabiliti penting untuk sesuatu kerajaan untuk

tidak beralih menjadi diktator. Hal ini diperlihatkan dalam kerajaan Islam terawal, dan dalam sistem pentadbiran British. Beliau menerima bahawa kediktatoran dalam politik sering merupakan hasil daripada kediktatoran agama, tetapi beliau menolak faham bahawa Islam mengizinkan pemerintahan despotik. Sebaliknya, Islam “menggabungkan hikmah dan penyelesaian yang kukuh. Ia melenyapkan kepercayaan jahiliyah dan melantarkan asas kepada kebebasan politik.” Beliau percaya bahawa kediktatoran dan pendidikan berjalan dalam arah dan halatuju yang berbeza. Semua diktator berada dalam kebimbangan sekiranya rakyat bertambah peka dan celik. Justeru, mereka cuba untuk mengekalkan dan membiarkan rakyat dalam kebodohan.

Tambahan pula, pemerintahan diktator melumpuhkan ekonomi nasional dan menggalakkan kerusakan sosial, lantas memusnahkan nilai etika.

Bukunya yang lain, *Umm al-Qura* (Mother of Towns – Ibu Kota) bersifat inovatif dalam konsepsi dan strukturnya. Al-Kawakibi menghidangkannya dalam bentuk minit mesyuarat daripada persidangan yang dibayangkan dihadiri oleh perwakilan dari pada dua puluh dua negara Islam. Tema yang dipilih untuk persidangan adalah “mengenalpasti punca keterbelakangan umat Islam, simptomnya dan bagaimana mengatasinya dan langkah memulihkan kedudukan umat Islam.”

Tiga hari pertama daripada persidangan yang dibayangkan ini dimulakan dengan topik pertama, membincangkan punca kelemahan umat Islam dan syor untuk mengatasi dan menanganinya. Topik kedua yang dibahaskan konferen adalah “definisi sebenar Islam.” Tiga poin utama disebutkan di sini: 1) keimanan bahawa Nabi Muhammad telah menyampaikan risalahnya dengan lengkap dan utuh, tanpa terluput walau sesuatupun; 2) tiada sesuatu yang dapat ditokok tambah terhadap apa yang telah disampaikan Nabi kepada kita; dan 3) Umat Islam bebas untuk menguruskan kehidupan duniawi mereka sebagaimana diinginkan, dengan syarat tidak melanggar mana-mana prinsip asas Islam.

Persidangan tersebut mengenalpasti tidak kurang daripada lapan puluh enam sebab daripada kelemahan umat Islam, sebahagian darinya adalah faktor sampingan dan cabang. Ia menyiapkan kesatuan yang didedikasi untuk memperbaharui kondisi umat Islam. Salah satu daripada objektif utama dari kesatuan ini adalah untuk menggalakkan peranan pendidikan yang menyebar luas di seluruh dunia Islam, menggalakkan penerokaan sains dan seni. Dan kesimpulan utama daripada persidangan tersebut adalah seperti berikut:

Umat Islam dalam kelesuan yang kronik; penawar kepada gejala ini adalah cukup mustahak; kuman yang menyebabkan penyakit ini adalah kejahilan; satu-satunya penawar adalah dengan jalan pendidikan dan menggalakkan anak muda untuk bekerja mencapai status yang lebih baik; terdapat keperluan yang mendesak untuk menggembeling perhimpunan pendidikan; tugas ini harus disempurnakan melalui gabungan kerjasama semua yang dapat menyumbang dan menggerakkan

usaha ke arahnya terutamanya para ulama dan kelompok manusia yang mempunyai pengertian yang mendalam dan kebijaksanaan.

Al-Kawakibi adalah seorang penggagas kebebasan dan pendidikan yang tulen sebagai satu-satunya pemacu ke hadapan bagi masyarakat Islam. Beliau wafat pada tahun 1902, dalam usia yang muda, iaitu 48 tahun.

Visi Politik

“The greatest disaster is our loss of freedom...freedom to speak out and publish, freedom to carry out scientific research...” [kecelakaan yang terbesar adalah hilangnya kebebasan kita...kebebasan untuk bersuara dan menerbit, kebebasan untuk menjalankan penyelidikan ilmiah] (‘Abd al-Rahmān al-Kawākibī, *Umm al-Qurā*, 1975: 154).

Terkesan oleh idea-idea reform Jamal al-Din al-Afghani (w. 1897) dan Muhammad Abduh (w. 1905), al-Kawākibī mendukung kemerdekaan Arab dan khalifah Arab yang dipilih dengan kuasa yang terbatas sebagai asas bagi kebangkitan Islam. Beliau merupakan pejuang revivalis Islam Syria dan penganjur khalifah Arab dan pelopor semangat perjuangan nasionalis, di mana “this group of new intellectuals helped generate the Arab renaissance (*al-nahda*) and would later become known as Modernist Salafis.” (Itzhak Weismann, 2015) Kenyataan ini juga diperkukuh dan dianalisis oleh Tibi yang menyatakan bahawa al-Kawakibi dapat dipandang sebagai pionir nasionalisme Arab. (Azyumardi Azra, 2016) Semangat perjuangannya dalam membela kaum tertindas dan menyingkirkan ketidakadilan menarik perhatian luas kelompok yang daif dan melarat, yang menjulukinya sebagai *Abū al-Du‘afā*, “bapanya kaum yang lemah”. Kemasyhurannya terhasil dari dua buah karyanya yang diterbitkan pada tahun-tahun terakhirnya (beliau wafat pada 1902), *Umm al-Qura* (“The Mother of Villages” [Mecca] – Induk segala Negeri) dan *Tabā’i‘ al-istibdād wa masā’iri‘ al-isti‘bād* (“The Nature of Despotism and the Harm of Enslavement” – Tabiat Kediktatoran dan Bahana Perbudakan) yang merupakan suatu manifesto terhadap despotisme Uthmani.

Ia turut menganjurkan pemurnian Islam yang asal, mendakwa bahawa penyimpangan-penyimpangan dan konsep-konsep yang asing seperti mistisisme, fatalisme, perpecahan mazhab dan taklid buta telah membawa kepada kejahilan dan penyerahan kepada ulama yang beku dan pemerintah despotik yang menekan kebebasan, mendorong agama yang palsu, dan merosakkan sistem moral, sosial, pendidikan, dan kewangan umat Islam, sebagaimana ditunjukkan oleh Empayar Uthmaniyah.

Menurut Azyumardi Azra (2016) “Al-Kawākibī adalah orang pertama yang tanpa ambiguitas sedikit pun menyatakan diri sebagai pemuka Arab dalam melawan bangsa Turki. Akan tetapi, al-Kawakibi sendiri tidak cukup radikal dalam serangannya terhadap Turki, karena ia tidak pernah mengusulkan berdirinya

negara semacam pemerintahan bersama Arab dan Dinasti Turki Utsmaniyah dengan khalifah Arab sebagai pemimpin agama dan budaya.”

Riwayat perjuangan dan ajaran-ajaran klasiknya tercantum dalam dua buah karyanya yang berpengaruh *Ummul Qura* dan *Tabā'i' al-istiḥdād wa masāri' al-istiḥdād*. Ia dipandang satu manifesto terhadap tirani, atau perosakan terhadap ideal Nabi. Dianggap suatu pemikiran klasik dalam pikiran politik Arab kontemporer, di mana sebahagian pandangannya diilhamkan dari pengarang Italia, Vittorio Alfieri (1749-1803). Penentangannya yang keras dan signifikan dalam menantang tirani dan menyanggah kebobrokan dan penghalang-penghalang despotisme ini diungkapkan oleh Ronen Raz dalam menafsirkan pemikiran-pemikiran al-Kawakibi: “They were a challenge not only to the Ottomans, who were struggling to hold the crumbling empire together, but also to other Arab intellectuals, including those in Kawakibi’s close milieu, who were contemplating questions of identity and political authority vis-à-vis the Ottoman Empire. (tretis-tretis ini merupakan cabaran tidak hanya kepada Uthmaniyah, yang berusaha untuk mempertahankan empayar yang ambruk, tetapi juga kepada intelektual Arab, termasuk dalam lingkungan dekat al-Kawakibi, yang memikirkan persoalan tentang identiti dan autoriti politik berhadap-hadapan dengan empayar Uthmani).

Kerana tindakan penguasa beliau terpaksa merahsiakan identitاسnya dalam kitab tersebut di mana beliau menyamarkan namanya sebagai “*Al-Rahhala (Kāf)*” (Traveler K.) untuk *Tabā'i' al-istiḥdād* dan “*al-Sayyid al-Furati*” untuk *Ummul Qura*.

Al-Kawākibī juga disebut-sebut punyai dua karya lain, yaitu *Al-Adzamatul li Allah* dan *Sahā'if Quraysh*. Beliau juga diduga konon pernah menulis catatan pelayarannya ke negara-negara Asia dan Afrika, namun khabarnya hilang.

Idealisme yang dirumuskan dalam dua kitabnya yang berpengaruh dan aspirasinya yang kental dalam mengilhamkan harakat nahdah dan intelektual ini dicatat oleh Komaruddin Hidayat, Ahmad Gaus A.F. (2005) “al-Kawakibi misalnya, adalah intelektual nahdhah generasi kedua yang secara khusus mengkaji tentang pemikiran politik.”

Menurut al-Kawākibī, Islam dilahirkan bersifat demokratik, tetapi telah dirubah menjadi alat absolutisme (pemerintahan totaliter). Hanyutan ini akan berterusan sampai hari kiamat, sehingga umat Islam menerimapakai cara politik berasaskan prinsip musyawarah. Yakni kebijakan politik yang diambil dari permusyawaratan *ahl al-hall wa al-'aqd*, untuk menjalankan kepentingan umum.

Terkesan dengan filsafat rasional yang dinamik dan progresif dari al-Afghani dan Abduh, beliau cuba membawa pengaruh dan idealisme moden yang diperjuangkan dalam memperbaharui pemikiran dan menggerakkan kebangkitan umat, sebagai diungkapkan oleh Charles Kurzman (2002) dalam bukunya *Modernist Islam 1840-1940: A Sourcebook*: “Al-Kawakibi’s thought was influenced by his contemporaries Sayyid Jamal al-Din al-Afghani and Muhammad ‘Abduh, among others. His historical significance in the Islamic modernist trend of thought lay in his elaboration of an Arab pan-Islamism intended to reform the

decaying Muslim world, privileging Arabs over non-Arabs and advocating the establishment of an Arab caliphate.”

(Pemikiran al-Kawakibi terpengaruh dari teman kontemporernya Sayyid Jamal al-Din al-Afghani dan Muhammad ‘Abduh, antara lain. Signifikasi sejarahnya dalam tren pemikiran modernis Islam terletak dalam penguraiannya tentang pan-Islamisme Arab yang bermaksud untuk mereformasi dunia Islam yang mereput, mengistimewakan kaum Arab ke atas bukan Arab dan mendukung penegakkan khalifah Arab).

Pengaruh dari pandangan dan paham pembaharuan yang diilhamkan Jamal al-Din al-Afghani dan Muhammad ‘Abduh ini telah digarap dalam *Ummul Qura* yang menganalisis sebab-sebab kemunduran sesuatu bangsa. Ia menjelaskan beberapa faktor yang menyebabkan kehancuran bangsa, antaranya penguasa yang tidak lagi menghiraukan umat dan rakyat, sehingga hak-hak rakyat hilang. Ia turut mengartikulasi faham jabriyyah (keterpaksaan manusia) yang dikira punca ketertinggalan dan terbelakangnya umat dari mengejar peradaban dan kemajuan. Kesan dari filsafat dan penekanannya yang berpengaruh terhadap kepentingan pendidikan terhadap al-Kawakibi turut diungkapkan oleh Joseph G. Rahme di mana “‘Abduh’s emphasis on internal reform, especially on the reform of education, was appropriated by one of his numerous disciples, ‘Abd al-Rahman al-Kawakibi (1854-1902)” (Joseph G. Rahme, 1999). [penekanan ‘Abduh terhadap pembaharuan dalaman, terutamanya reformasi pendidikan, telah disesuaikan oleh salah seorang dari muridnya yang banyak, ‘Abd al-Rahman al-Kawakibi (1854-1902)].

Dalam menegakkan khittah perjuangan Abduh dan Rasyid Rida ini, al-Kawakibi telah mempertahankan keyakinan dan ideologi dan falsafah pembaharuan yang diperjuangkan, dimana “Ia (Rasyid Rida) sepaham dengan koleganya, Abd. Al-Rahman al-Kawakibi, bahwa salah satu dari sebab-sebab yang membawa kepada kemunduran umat Islam ialah paham fatalisme (akidah al-Jabbar) itu. Dan selanjutnya salah satu sebab yang membawa masyarakat Eropa kepada kemajuan ialah paham dinamika yang terdapat di kalangan mereka.” (Ris’an Rusli, 2018).

Dalam membangkitkan kesedaran dan kemungkinan-kemungkinannya dalam menentang rejim Uthmani ini maka “mulailah alam pikiran Islam bangkit kembali” (Ahmad Azhar Basyir, 1993) yang telah menggembeleng dan membangkitkan semangat perjuangan yang dahsyat dimana ideologi dan gerakan “Muhammad Iqbal, Abdurrahman Al-Kawakibi, dan lain-lain dapat dipandang sebagai tokoh dan pionir yang tercatat dalam “cetak biru” sejarah Filsafat Islam.” (Ahmad Azhar Basyir, 1993)

Falsafah

"Lelap terus, dan kau pun dipuji sebagai bangsa terlunak di dunia. Darahmu dihisap dan dagingmu dilahap sehingga hanya kulit yang tersisa. Siapa pula tak memuji sapi dan kerbau?"

Orang dapat menyuruhnya kerja, dan memakan dagingnya. Tapi kalau mereka tahu hak-haknya, orang pun akan menamakannya pongah, karena tidak mau ditindas.

Bahasamu terpuji halus di seluruh dunia, dan sopan pula. Sebabnya kau menegur bangsa lain dalam bahasa kromo dan orang lain menegurmu dengan bahasa ngoko.

Kalau kau balikan, kau pun dianggap kurang ajar!"

Tidaklah wajar melihat tanah tumpah darah sebagai sapi perahan yang diberi makan hanya disebabkan susunya.

Tidaklah pada tempatnya untuk menganggap negeri ini sebagai suatu tempat dimana orang datang cuma bermaksud mengambil, merampas hasilnya..!"

(H.O.S. Tjokroaminoto, 1916)

Tulisan-tulisan al-Kawakibi membawakan falsafah dan paham-paham perjuangan dan pemikiran kebangsaan yang menentukan. Tretisnya *Umm al-Qura* dianggap sebagai yang pertama membincangkan tentang kebangkitan nasionalisme Arab dan konsep Arabisme sebagaimana diamati oleh Ronen Raz (1996): "Kawakibi's was the first discussion of Arabism by a Muslim Arab, and was to a large extent less religious in its tone than the writings produced by contemporary Muslim writers. His ideas can be seen as a critical link between the cultural revival in the Arab Middle East, religious literary and scholarly, and the translation of the cultural idea and achievements into political claims, platforms and organizations." (tretis al-Kawakibi merupakan perbincangan yang pertama tentang Arabisme oleh seorang Arab Muslim, dan sebahagian besarnya kurang agama dalam nadanya ketimbang penulisan yang dihasilkan oleh pengarang Muslim kontemporer. Ideanya dapat dilihat sebagai penghubung yang kritis antara kebangkitan budaya di Timur Tengah Arab, kepujangaan dan kesarjanaan agama, dan terjemahan idea dan pencapaian-pencapaian budaya ke dalam klaim-klaim, platform-platform dan pertubuhan-pertubuhan politik).

Dalam menegaskan cita-cita pembaharuan dan pembebasan ia sangat keras mengkritisi kebejatan dan keterpurukan kerajaan Turki Uthmaniyah yang semakin mundur. *Tabā'i' al-istibdād* menerangkan bahawa corak pemerintahan tirani itu bertolak belakang dengan semangat kemanusiaan, dan menghalang kebebasan dan perkembangan diri individu.

Fikrah dan kritikan-kritikannya yang mendasar terhadap kebokbrokan tirani Uthmani ini dicatatkan Adonis yang merumuskan kritik al-Kawakibi terhadap keterpurukan dan kekacaubalauan pemikiran Muslim dalam bukunya *Arkeologi Sejarah Pemikiran Arab-Islam*: "Mengapa terpuruk? "Sarana apa yang paling

baik untuk bangkit”? dari dua pertanyaan inilah al-Kawakibi berpijak, dan di seputar dua persoalan itulah pemikirannya bergerak... (Adonis, 2015: 117)

Keterpurukan dan kebejatan sistem dan dasar otoriter yang dikritik keras dimana: “keterpurukan merupakan “penyakit”...akarnya adalah “kesewenang-wenangan politik”...keyakinan al-Kawakibi terhadap akar dan kemapanannya merupakan keyakinan mutlak dan sempurna. Sebab, kemapanan akar merupakan satu-satunya faktor yang tetap dapat melestarikan “kebesaran agama di sepanjang abad ini”. Dari sini al-Kawakibi memiliki keyakinan bahwa penyakit yang berupa keterpurukan ini dapat dilenyapkan dan sangat mungkin untuk dinaikkan ke jalan kemajuan. (Adonis, 2015: 117)

Ideologi politik

Garis besar perjuangan yang digemblengnya dalam menentang kebejatan dan kesewenang-wenangan penguasa ini telah dirumuskan oleh Hamka dalam bukunya *Kenangan-Kenanganku di Malaya* (2019: 109) “Seorang ahli fikir Islam yang masyhur di akhir kurun ke-19 yang lalu bernama Sayyid Abdul Rahman al-Kawakibi menulis pada bukunya yang bernama *Thabai’l al-Istibdad* dan *Ummul Qura* bahawasanya di zaman beliau hidup pada masa raja-raja Bani Uthmaniyyah, berkuasa banyaklah orang-orang yang memakai gelar ulama’ itu menjadi penghalang kemajuan. Dia bersyariat dengan raja-raja memperbodoh umat.”

Ummul Qura cuba mengekspresikan idea kesatuan Ummat dan kepentingan ideologi reform dan Pan Islam. Pemikiran ini dibawa dalam persidangan fiktif yang dilangsungkan di Mekah pada musim haji 1899, dimana seorang perwakilan Palestin sejak sidang kedua mengusulkan bahawa keterbelakangan umat Islam dalam semua lapangan hidup adalah diakibatkan dari kemunduran sistem politik pemerintah yang berkuasa.

Sistem politik yang pada awalnya bersifat demokratik di era khalifah ar-rasyidin, bertukar menjadi pemerintahan dinasti (muluk), yang awalnya masih menghargai prinsip-prinsip dasar agama, namun kemudian menjadi kekuasaan mutlak dan sistem kuku besi.

Dalam hal ini al-Kawakibi menegaskan bahawa pemerintahan dapat terjerumus ke dalam kediktatoran: “apabila pemegang kekuasaan eksekutif tidak mempertanggungjawabkan tugasnya kepada pemegang kekuasaan legislatif, dan pemegang kekuasaan legislatif tidak mempertanggungjawabkan pekerjaannya kepada rakyat, yaitu rakyat yang tahu cara mengawasi dan mampu melakukan penilaian.”

Keadaan negara-negara Islam yang tercerai berai dengan wilayah kekuasaan yang bersendiria menurutnya dapat dipersatukan dan diikat, yang unsur-unsurnya terdiri dari 3 bahagian: (1) Ikatan keagamaan dengan adanya seorang khalifah tunggal sebagai simbol persatuan semangat keagamaan dan simbol politik dan pemerintahan dunia Islam (2) ikatan politik yang terwujud melalui institusi permusyawaratan yang anggota-anggotanya diwakili dari seluruh dunia Islam, yang

menjadi wadah percaturan dan pengaturan kebijakan politik antara dunia Islam (3) ikatan keilmuan dengan pembentukan pertubuhan bersama milik dunia Islam yang bekerja memberi pendidikan bagi generasi muda. Karena, menurut al-Kawakibi, sumber segala penyakit dan kemunduran dunia Islam adalah merajalelanya kebodohan akut (*al-jahl al-mutlaq*). (Zulbaida, 2017)

Menurutnya, negara yang adil adalah yang memberi kebebasan kepada individu menentukan tujuan dan berkhidmat sesama komunitas, dan inilah bentuk negara Islam yang sejati yang terdapat pada permulaan sejarah Islam. (Zulbaida, 2017)

Usaha mewujudkan kesatuan Islam (*Jami'ah Islamiyah*) ini mengantisipasi terwujudnya hubungan harmonis antara dunia Islam dengan sekretariat tersendiri. Ini tidak bermakna mengharuskan negara yang berdasar agama, sebaliknya adanya hubungan yang kuat, padu, adil di antara pemeluk Islam, yang tidak mesti berada pada satu kekuasaan. Ini diungkapkan al-Kawakibi sebagai *ummah*, yang selain mengacu pada al-Qur'an, juga mengandung makna beragam, diartikan dalam kesusasteraan moden, dengan arti membentuk sejarah, bahasa, dunia, kehidupan perekonomian, jiwa dan peradaban yang sama, dan jamaah yang mempunyai hubungan dan ikatan batin (*ukhwah*).

Tirani Politik

Kerasnya perjuangan yang ditegakkan dalam mempertahankan kebebasan kaum Muslimin daripada cengkaman tirani dan rongrongan ideologi despotik ini dirumuskan Hamka dalam pidatonya "Pengaruh Ajaran dan Pikiran Al Ustadz Al Imam Syekh Muhammad Abduh di Indonesia" yang mengungkapkan pengaruh teologi pemikiran yang digembleng pejuang-pejuang moden dalam menjelmakan semangat perubahan dan pembaharuan dan kebangunan Islam di kepulauan arkipelago, "Dan tidaklah saya melebihi hakikat jika saya katakan bahwa Sayid Djamaluddin Al-Afghany dan Syekh Muhammad 'Abduh, dan Sayid Rasyid Ridha, ditambah dengan Sayid 'Abdur Rahman El-Kawakibi dan Al-Amir Syakib Arselan dan lain-lain telah turut memasukkan saham yang bukan sedikit dalam kebangunan bangsa Indonesia dan membangkitkan semangat Islam, sehingga terbentuklah suatu ideologi Islam yang progressif, sebagai bahagian dari perjuangan kebangsaan Indonesia."

Perjuangan yang dipelopori al-Kawakibi dalam menghadapi kezaliman dan pemerasan oleh para diktator ini dirumuskan Hamka dalam bukunya "*Said Djamaluddin Al-Afghany: Pelopor Kebangkitan Muslimin*" (1970: 63) yang menyingkapkan kesan perjuangannya yang radikal dan menentukan dalam menyalakan dan membangkitkan kesedaran dan penentangan yang dahsyat terhadap kebobrokan politik penindasan ini, "Penyakit menyerahkan leher buat disembelih oleh penguasa, menerima nasib sebagai takdir yang telah tertulis di

Luh Mahfuz, dan semboyan sangat buruk yaitu “Sebaik-baik untung ialah teraniaya”, bukanlah semata-mata penyakit orang Mesir pada pertengahan Qurun 19. Tetapi penyakit yang merata diseluruh Dunia Islam. Pembangun Fikiran Modern Islam yang seorang lagi ialah Said Abdurahman Al-Kawakibi telah mengupas penyakit ini dalam bukunya “Thaba i’ul Istibdad”, (Tabi’atnya pemerintah diktator). Demikian katanya: SABAR sebagai yang kalian artikan itu adakah membawa kebanggaan kepada kalian? Adakah kalian berpahala karena sabar sematjam itu? Demi Allah kalian sudah salah perhitungan.

Kalau begitu kalian memberi arti sabar, tidak ada yang akan kalian dapat hanyalah diperbudak dikala hidup dan sebutan hina dikala mati. Sebab hanyalah orang lain yang dapat mempergunakan kalian untuk kehidupan mereka dan kalian sendiri tidak mendapat apa-apa dari hidup. Bahkan segala pusaka yang ditinggalkan nenek moyang menjadi porak peranda hancur lebur dan tidak ada warisan yang akan kalian banggakan kepada generasi yang akan datang.

Kalian mengeluh karena melarat, padahal sebabnya hanyalah karena kalian malas. Kalian menginginkan perbaikan nasib, padahal di antara kalian sesama kalian tipu menipu. Dan kalian tak insyaf bahwa yang kalian tipu ialah diri sendiri. Kalian terima dengan sabar kehidupan yang melarat, lalu kalian menamai hidup yang demikian, hidup yang sederhana.

Kalian lalaikan memperbaiki nasib, lalu kalian namai tawakkal! Kalau kehidupan kalian telah dikutak-katikkan oleh si Lalim, mengapa maka kalian biarkan mereka mengutak-ngatikkan sampai kepada urusan mati? Sedangkan mati juga hendak kalian serahkan kepada ketentuan mereka itu. Tidaklah lebih baik kalian sendiri yang memilih bagaimana cara mati yang baik? Bukan mati karena kemauan si zalim itu. Apakah kezaliman mereka telah merampas sampai kepada kehendakmu sendiri sampai kepada urusan maut?

Dibahagian lain dia berkata:sampai begitu goblok kalian. Seketika tiran (si zalim) menindasmu, kalian tertawa dan memuji sebab beliau kuat. Dirampasnya harta kalian, kalian berterima kasih, sebab nyawa kalian tidak diambilnya. Segala macam siasat licik dipergunakan oleh si zalim, kalian merasa bangga sebab beliau “pintar”. Bila harta benda negara dihamburkannya sesukanya, kalian puji, sebab beliau dermawan. Kalau ada diantara kalian yang dibunuhnya dengan zalim, masih juga dipuji sebab bangkai yang terbunuh itu tidak dicencang, tandanya beliau masih belas kasihan kepada rakyatnya.”

Demikian Said Abdurrahman Al-Kawakibi menulis tentang kezaliman radja-radja dan kebokbrokan rakyat pada masa itu. Bukan di Mesir saja, tetapi diseluruhnya. (Hamka, 1970: 64)

Rekonstruksi yang digerakkan bagi mengangkat harkat perjuangan dan mengilhamkan kebebasan dan paham pembaharuan yang sebenar.

Kesimpulan

Dalam penentangannya terhadap tindasan dan despotisme politik, al-Kawakibi telah menggembeng perubahan dengan menggerakkan faham dan semangat pan-Islamisme dan mengembangkan kekuatan nasionalisme dalam pergerakan dan perhubungan Arab-Muslim, dengan menegakkan aspirasi moden terhadap pemerintahan khalifah Arab, yang memberi tentangan yang kuat terhadap kekaisaran Uthmaniyyah, dan kesultanan kerajaan Turki Uthmani. Percaturan ini akhirnya menggugat kedudukan dan kekuatan imperialisme Turki yang pada gilirannya berusaha melenyapkan dan menamatkan riwayat politiknya. Dengan kekacauan tata urus dan kebobrokan sistem yang menindas dan despotik yang menggugat nilai sosial dan kebudayaan yang utuh, al-Kawakibi bangkit menyanggah ketidakadilan dan keterpurukan sistem usang tangan besi yang menindas dan membantah kebijakan yang terus mencengkam dan memperbodohkan rakyat dengan dasar yang bobrok dan zalim. Riwat perjuangannya yang getir menentang kuasa tirani ini sangat mengesankan, yang menuntut kegigihan dan usaha kita untuk membela pendirian dan nilai pembaharuannya dan melanjutkan falsafah perjuangannya dalam mendorong kemajuan dan kebangunan umat dan membawa kebangkitan akliah dan merealisasikan visi perjuangan dan nahdah yang diilhamkannya.

Daftar Pustaka

- Adonis, *Arkeologi Sejarah-Pemikiran Arab-Islam*. Yogyakarta: LkiS, 2015.
- Ahmad Azhar Basyir, *Refleksi Atas Persoalan Keislaman Seputar Filsafat, Hukum, Politik, dan Ekonomi*. Bandung: Mizan, 1993.
- Ahmad b. ‘Abd al-Khaliq Abu al-Nasr, “Al-Istibdād al-siyāsī wa atharuhu fī takhalluf al-muslimīn ‘inda ‘Abd al-Rahmān al-Kawākibī wa Muhammad ‘Abduh: dirasah wasfiyyah tahliliyah muqaranah”, Tesis M.A., Usul al-Din wa Muqaranah al-Adyan, Kuliyah Ma‘arif al-Wahy wa al-‘Ulum al-Insaniyyah, International Islamic University Malaysia, 2018.
- Al-Kawākibī, ‘Abd al-Rahmān, *Umm al-Qurā*, dalam *Al-A‘māl al-Kāmilah li ‘Abd al-Rahmān al-Kawākibī*, ed. Muhammad ‘Imārah. Beirut: al-Mu‘assasa al-‘Arabiyya li-l-Dirāsāt wa-l-Nashr, 1975.
- Azyumardi, Azra, *Transformasi Politik Islam: Radikalisme, Khilafatisme dan Demokrasi*. Jakarta: Kencana & PPIM, UIN Jakarta, 2016.
- El-Husry, Khaldun S., “Three Reformers A Study in Modern Arab Political Thought”, Master of Arts, American University of Beirut, Lebanon, 1962.
- Hamka, *Sejarah Perkembangan Pemurnian Ajaran Islam di Indonesia*. Jakarta: Tintamas, 1961.

- Hamka, Said Djamaluddin Al-Afghany: *Pelopop Kebangkitan Muslimin*. Djakarta: Bulan Bintang, 1970.
- Hamka, *Kenangan-Kenanganku di Malaya*. Kajang: Jejak Tarbiah, 2019.
- Hazel Lian Zimeri, "Knowledge in the Era of Despotism: A Reading of 'Abd al-Rahmān al-Kawākibī's *Tabā'i' al-Istibdād wa Masā'iri' al-Isti'bād*", Master Thesis, Department of Culture Studies and Oriental Languages, University of Oslo, 2007.
- Hourani, Albert, *Arabic Thought in the Liberal Age 1798-1939*. Cambridge: Cambridge UP, 1962.
- Itzhak Weismann, *Abd al-Rahman al-Kawakibi Islamic Reform and Arab Revival*. London: Oneworld, 2015.
- Joseph G. Rahme, "Abd al-Rahman al-Kawakibi's Reformist Ideology, Arab Pan-Islamism, and the Internal Other", *Journal of Islamic Studies* 10, 2 (1999), 159-177.
- Kurzman, Charles ed., *Modernist Islam, 1840-1940: A Sourcebook*. New York: Oxford UP, 2002.
- Muhammad 'Imāra, *Al-A'māl al-Kāmila li 'Abd al-Rahmān al-Kawākibī ma'a dirāsa 'an hayātihi wa-āthārihi*. Kaherah: al-Hay'ah al-Misriyah al-'Ammah lil-Ta'lif wa-l-Nashr, 1970.
- Ris'an Rusli, *Pemikiran Teologi Islam Modern*. Jakarta: Kencana, 2018.
- Ronen Raz, "Interpretations of Kawakibi's Thought, 1950-1980s", *Middle Eastern Studies* Vol. 32, No. 1 (Jan., 1996), 179-190.
- Ryuichi Funatsu, "Al-Kawakibi's Thesis and its Echoes in the Arab World Today", *Harvard Middle Eastern and Islamic Review* 7 (2006), 1-40.
- Stephen Sheehi, "Al-Kawakibi: From Political Journalism to a Political Science of the "Liberal" Arab Muslim", *Alif* 37 (2017), 85-109.
- Sylvia Kedourie (nee HAIM), "The Ideas of a Precursor, 'Abd al-Rahmān al-Kawākibi (1849-1902), In Relation to the Trend of Muslim-Arab Political Thought", Ph.D. Thesis, Faculty of Arts, University of Edinburgh, 1953.
- Valina Singka Subekti, 2016 (22 Juni), 100 Tahun Zelfbestuur HOS Tjokroaminoto (1916-2016), Online <https://nasional.sindonews.com/berita/1118782/18/100-tahun-zelfbestuur-hos-tjokroaminoto-1916-2016/> diakses pada 20 Nov 2023.
- Zulbaida, "Abdul Rahman Al-Kawakibi", *Tugas Filsafat Islam V, Jurusan Ilmu Aqidah dan Filsafat Islam, Fakultas Ushuluddin, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim, Riau*, 2017.